

24 JUN 1999

Abdullah-Myanmar

MYANMAR UCAP TERIMA KASIH TERHADAP SOKONGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 24 Jun (Bernama) -- Myanmar berhasrat meluaskan lagi skop dan bidang kerjasama dengan Malaysia, yang selama ini telah memberikan sokongan berterusan kepada negara itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perkara itu dinyatakan oleh Menteri Luar Myanmar, U Win Aung yang mengunjungi beliau di pejabatnya di Pusat Pentadbiran Kerajaan di sini, hari ini.

"Beliau mengucapkan terima kasih kepada Malaysia terhadap sokongan berterusan yang diberikan kepada Myanmar," katanya kepada pemberita selepas berbincang lebih setengah jam dengan Win Aung.

Abdullah berkata Win Aung juga memaklumkan kepadanya mengenai hasil lawatan Menteri Pertanian Datuk Amar Sulaiman Daud ke Myanmar baru-baru ini yang telah mencapai persetujuan untuk mengadakan kerjasama dalam bidang pertanian.

Selain itu, katanya, beberapa keputusan juga telah dicapai untuk kerjasama dalam bidang pengangkutan udara yang dibincangkan oleh Menteri Luar Myanmar itu dengan Kementerian Pengangkutan.

Abdullah berkata perbincangan-perbincangan peringkat delegasi akan berlangsung antara Win Aung dengan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sementara itu ketika ditanya pemberita sama ada Kabinet semalam ada membincangkan mengenai kemungkinan Petronas mengambil alih MAS, Abdullah hanya menjawab, "No, we did not" (kita tidak membincangkannya).

Ketika ditanya sama ada terdapat kemungkinan itu, beliau berkata, "I can't say" (saya tidak boleh katakan).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu temubual dengan majalah keluaran terbaru Far Eastern Economic Review antara lain menyatakan kemungkinan Petronas mengambil alih MAS.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata setakat ini beliau belum melihat sebarang cadangan untuk tujuan itu tetapi kenapa tidak jika Petronas berkemampuan berbuat demikian.

-- BERNAMA

MNY PR